

28 JAN 2003

NAM-Persiapan/I

PERSIAPAN UNTUK SIDANG KEMUNCAK NAM BERJALAN LANCAR

KUALA LUMPUR, 28 Jan (Bernama) -- Persiapan untuk menganjurkan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) ke-13 berjalan lancar dan negara kini sedang "menuju ke arah penganjuran satu acara yang besar."

Ketua Setiausaha Kementerian Luar Datuk Ahmad Fuzi Abdul Razak berkata Malaysia secara logistik sudah bersedia untuk menjadi tuan rumah sidang kemuncak itu, yang akan diadakan di sini dari 20 hingga 25 Feb dan dihadiri oleh pemimpin dari hampir 114 negara anggota NAM.

"Kami mengadakan raptai upacara pembukaan hari ini dan amat penting untuk semuanya berjalan lancar...ianya (sidang kemuncak) membabitkan 114 negara dan adalah amat mustahak program (untuk sidang kemuncak) dilaksanakan seperti yang dirancang," kata beliau.

Beliau ditemui pemberita selepas menyaksikan raptai majlis pembukaan Sidang Kemuncak NAM ke-13 di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Katanya penganjur-penganjur acara dari pelbagai kementerian kini sedang dalam peringkat memperhalusi susunan acara dan "menerusi raptai-raptai ini, kelemahan dapat dikesani dan diperbaiki."

Beliau berkata raptai hari ini bukanlah yang pertama dan terakhir memandangkan lebih banyak latihan seperti itu dirancang bulan depan agar upacara perasmian berlangsung dengan sempurna.

"Lebih banyak (raptai) dirancang dalam bulan Februari, yang juga membabitkan laluan trafik. Kami berharap agar dapat menjadi yang terbaik (penganjuran NAM sehingga kini)," kata beliau lagi.

Beliau berkata upacara pembukaan akan mengetengahkan persembahan kebudayaan secara ringkas oleh penari-penari dari Istana Budaya, Federal Ballet Academy dan Akademi Seni Negara.

Selain itu, pertunjukan seni mempertahankan diri akan dipersembahkan oleh Persatuan Seni Silat Gayung Patani Malaysia manakala muziknya merupakan gabungan Cina, India, Asli dan Gamelan.

Raptai pembukaan rasmi hari ini, yang bermula pada pukul 9 pagi dan berlangsung selama empat jam, turut disaksikan penolong pengarah produksi Istana Budaya Ridzuan Abdul Salam.

Penganjur menjangkakan pembesar-pembesar asing akan tiba bagi upacara pembukaan mulai 8.30 pagi 24 Feb dan upacara sebenar dijadualkan bermula pada 10 pagi dan berlangsung selama 90 minit.

"Kemuncak majlis pembukaan ialah ucapan beberapa pemimpin NAM, termasuk Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad," kata Ahmad Fuzi.

Beliau berkata sebahagian dari 114 negara sudah mengesahkan senarai peserta-peserta mereka, dan terdapat beberapa lagi yang masih belum membuat keputusan serta memberikan jawapan.

Sehingga kini, kira-kira 40 ketua kerajaan telah mengesahkan penyertaan mereka dalam sidang kemuncak itu.

Untuk berita-berita NAM, sila layari www.nam2003.com

-- BERNAMA

SR KHY ROS